



MDBG

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH  
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,  
31000 BATU GAJAH.

**SYARAT – SYARAT KEDAI GUNTING DAN PENDANDAN RAMBUT**

Syarat-Syarat/JP-MDBG/KGPR	No. Telefon	05-3632020-3632030
	No. Fax	05-3665930
	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

**JABATAN PELESENAN**

1. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.
2. Pengusaha dan setiap pendandan rambut mesti menjalani pemeriksaan doktor dan mendapat pengesahan bebas daripada sebarang penyakit kulit dan penyakit berjangkit setahun sekali (sebelum lesen dikeluarkan / diperbaharui).
3. Premis gunting dan pendandan rambut mesti di cat semula luar dan dalam dan seterusnya di senggara supaya sentiasa di dalam keadaan baik dan bersih.
4. Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus menerus semasa dibuka untuk urusan.
5. Tong sampah (berukuran 3 kaki padu) dari bahan yang tidak telap air dan bertutup rapat hendaklah disediakan bagi mengumpul sisa tred. Sila gunakan karung plastik. Tong sampah hendaklah diletakkan di satu tempat yang sesuai dan mudah diservis oleh pekerja MDBG menurut jadual yang ditetapkan.
6. Semasa melayan pelanggan setiap pendandan rambut mesti memakai kain 'overall' yang bersih dan berwarna putih.
7. Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan lain-lain fabrik yang menyentuh kulit pelanggan mesti digunakan sekali bagi seorang pelanggan dan tidak boleh digunakan semula bagi seorang pelanggan yang lain sebelum ianya dibasuh sebersih-bersihnya dengan menggunakan air panas mendidih atau di wap sekurang-kurangnya 5 minit.
8. Punca bekalan air mesti daripada sistem bekalan Lembaga Air Panas.
9. Sistem pencegahan kebakaran yang diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba mesti diadakan dan disenggara dengan sempurna.
10. Basin cuci tangan hendaklah disediakan dan pendandan rambut mesti mencuci tangan dengan sabun dan air bersih dengan sebersih-bersihnya sebelum melayan seseorang pelanggan.
11. Pisau cukur, gunting, sikat, perepong (clipper), berus rambut, berus cukur dan lain-lain kelengkapan seumpamanya hendaklah dibasmikan kuman dengan merendam dalam larutan disinfektan sekurang-kurangnya 3 minit selepas sahaja digunakan ke atas setiap pelanggan. Walaubagaimanapun penggunaan pisau cukur jenis 'disposable' adalah amat digalakkan.

12. Pengusaha dan pembantu mesti mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDBG atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh beliau yang dikeluarkan dari masa ke semasa samada secara bertulis mahupun lisan.
13. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas boleh menyebabkan lesen anda dibatalkan atau lesen tidak diperbaharui.
14. Pengusaha mestilah mendapat kebenaran dan kelulusan yang berkaitan dari masa ke semasa daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan lain seperti JPJ, Jabatan Kesihatan, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, JKR dan lain-lain Jabatan yang berkaitan.
15. Pengusaha hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang yang berkuatkuasa dari masa kesemasa.

**ARAHAN :-**

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**